

09/02/2001

KL, Singapura makin sepakat

Kadir Dikoh in Singapura

SINGAPURA, Khamis - Malaysia dan Singapura sudah menghampiri kesepakatan terhadap pelbagai isu yang dimasukkan dalam pakej penyelesaian hubungan dua hala kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata sejak setahun lalu banyak perkembangan positif dicapai ke arah penyelesaian menyeluruh terhadap isu yang terkandung dalam pakej itu.

Pakej penyelesaian itu dipersetujui dalam pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong di Hanoi pada 1998, tetapi kemajuannya agak perlahan hinggalah sejak kebelakangan ini.

Pakej itu termasuk isu tanah stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar, penjualan air ke republik itu, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenar mengeluarkan simpanan Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) setelah berhenti kerja.

Syed Hamid bagaimanapun berkata tidak ada jangka masa ditetapkan untuk penyelesaian pakej itu, meskipun Malaysia dan Singapura berminat untuk menyegerakannya supaya isu berkenaan tidak terus menimbulkan ketegangan hubungan dua hala.

"Kita mahu penyelesaian keseluruhan pakej itu, bukan sebahagian atau mengasingkan isu di dalamnya supaya memuaskan hati kedua-dua pihak, iaitu keadaan "sama-sama menang," katanya pada sidang akhbar di sini, petang ini.

Beliau memberi taklimat mengenai hasil lawatan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di sini, semalam.

Hari ini, Timbalan Perdana Menteri menghadiri jamuan tengah hari yang diraikan rakan sejawatannya, Lee Hsien Loong di Kelab Golf Tanjong di Sentosa sebelum menemui seorang lagi Timbalan Perdana Menteri Singapura, Tony Tan yang juga Menteri Pertahanan.

Lewat petang ini pula, Abdullah mengadakan pertemuan dengan Menteri Kanan, Lee Kuan Yew dan menghadiri jamuan malam di sebuah hotel malam ini.

Syed Hamid berkata, pertemuan Abdullah dan Goh ke sini bagaimanapun bukan untuk membincangkan secara terperinci isu dalam pakej terbabit.

"Ini diakui sendiri oleh kedua-dua pemimpin itu. Mereka cuma menyentuh perkara asas keseluruhan pakej itu, bukan berbincang secara terperinci kerana kunjungan Abdullah ke sini lebih berupa lawatan sosial.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar Singapura hari ini mengenai persetujuan Singapura pada dasarnya terhadap permintaan Malaysia untuk memindahkan stesen milik Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) di Tanjong Pagar ke Kranji, bukan ke Woodlands atau Bukit Timah.

Akhbar-akhbar itu melaporkan seolah-olah Singapura yang memberi konsesi kepada Malaysia dan republik itu digambarkan sebagai melanjutkan tempoh akhir 10 Februari ini bagi Malaysia memindahkan stesen kereta api di Tanjong Pagar.

Difahamkan, Malaysia tidak mengiktiraf tarikh akhir 10 Februari itu, yang berdasarkan perjanjian 1990 ditandatangani di antara Perdana Menteri Singapura ketika itu, Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Mengikut perjanjian itu, stesen di Tanjong Pagar mungkin dipindahkan dalam masa lima tahun ke Woodlands. Bagaimanapun, perjanjian itu sudah tidak sah berikutan perjanjian dipersetujui antara Dr Mahathir dan Goh

pada 1988 iaitu untuk menyelesaikan isu itu serta isu lain yang disenaraikan dalam satu pakej penyelesaian.

Syed Hamid ketika ditanya mengenai tarikh akhir 10 Februari itu sama ada Malaysia mengiktirafnya, bagaimanapun enggan mengulas.

"Apa yang paling penting ialah kita melihat untuk memuktamadkan keseluruhan pakej dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Dalam hubungan ini, Malaysia melihatnya secara pakej menyeluruh.

"Saya tidak mahu merosakkan lawatan (Abdullah) yang sedang berlangsung," katanya ketika didesak mengenai pendirian Malaysia terhadap tarikh 10 Februari itu.

Katanya, lawatan itu sekarang membolehkan kedua-dua pihak untuk mewujudkan persefahaman "dan Pak Lah adalah orang yang amat baik dari segi diplomatik".

"Janganlah kita melihat kepada siapa yang akan mendapat konsesi, pihak mana yang salah. Kedua-dua negara sudah bersetuju untuk menyelesaikan keseluruhan isu dalam pakej ini termasuk soal bekalan air ke Singapura," katanya.

Ditanya sejauh mana penyelesaian pakej itu yang dikatakan "sudah hampir" ke arah penyelesaian muktamad, beliau berkata; "Kita bergerak ke arah yang betul.

"Jika anda tanya saya tahun lalu, jawapannya berbeza. Tetapi anda tanya saya sekarang, maka saya boleh jawab ... kita menghampirinya. Saya tidak kata ini tergantung," katanya.

(END)